



**PERIKSA...** Mohamad Duri mengambil kesempatan untuk melakukan saringan kesihatan semasa Program Hari Kesihatan Komuniti.

**SARATOK:** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kalaka, Mohamad Duri menggalakkan pelbagai pihak yang mahu mengadakan program saringan kesihatan di kawasan luar bandar. Menurutnya, terlalu banyak

kekangan dihadapi masyarakat luar bandar untuk mengadakan saringan kesihatan untuk diri mereka berikutan faktor pengangkutan dan kewangan. "Sukar bagi penduduk luar bandar melakukan saringan

# Galak program kesihatan di luar bandar

kesihatan dan pelbagai saringan pada hari-hari biasa," katanya ketika berucap pada Program Hari Kesihatan Komuniti anjuran Yayasan Buah Pinggang Malaysia Bahagian Samarahan di Kampung Kaba, baru-baru ini.

Mohamad Duri berkata, antara kekangannya adalah dari segi kos dan masa serta masalah kemudahan dihadapi.

Katanya, untuk ke bandar ia

sangat memakan kos yang agak tinggi bagi rakyat yang hanya bergantung kepada kerja-kerja biasa di kampung.

"Ia juga memerlukan kemudahan pengangkutan kebiasaannya disewa untuk ke bandar-bandar besar.

"Oleh itu, saya sangat mengalu-alukan keprihatinan pelbagai pihak yang sanggup ke kawasan luar bandar mengadakan sari-

ngan kesihatan dan saringan lain.

Pelbagai program diadakan seperti saringan kesihatan secara percuma dan pertandingan mewarna untuk murid Sekolah Kebangsaan (SK) Haji Bollah.

Turut hadir, Pegawai Kesihatan Bahagian Betong, Dr Norhaizam Ahmad Narawi dan Koordinator Yayasan Buah Pinggang Malaysia Bahagian Samarahan Nurizatul Jelani.



**MOHAMAD** Duri hadir pada Program Hari Kesihatan Komuniti anjuran Yayasan Buah Pinggang Malaysia Bahagian Samarahan di Kampung Kaba, baru-baru ini.